



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

SABTU, 16 SEPTEMBER 2023

LAPORAN HARIAN





JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

16/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	DUA MESIN 'SAHABAT' QILA	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2023/09/1009905/dua-mesin-sahabat-qila	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	150 OKU SERTAI PERARAKAN DUA KILOMETER RAI HARI MALAYSIA	
	https://www.kosmo.com.my/2023/09/15/150-oku-sertai-perarakan-dua-kilometer-rai-hari-malaysia/	KOSMO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/279201/edisi/selangor-kl/status-oku-bukan-penghalang-sertai-perarakan-kemerdekaan	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	TADAH BESEN, ALIH TILAM SETIAP KALI HUJAN	
	https://www.sinarharian.com.my/article/279143/edisi/johor/tadah-besen-alih-tilam-setiap-kali-hujan	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	KPM BAKAL LANCAR GARIS PANDUAN ISU BULI, GANGGUAN SEKSUAL	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1010145/kpm-bakal-lancar-garis-panduan-isu-buli-gangguan-seksual	HMETRO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1153308/garis-panduan-baharu-isu-buli-gangguan-seksual-di-sekolah	BHARIAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

16/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
5	LEBIH BAIK TUMPUKAN ISU, KEBAJIKAN RAKYAT	
	https://www.sinarharian.com.my/article/279116/berita/nasional/lebih-baik-tumpukan-isu-kebaikan-rakyat	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	PESARA WANITA RUGI RM3.8 JUTA DIPERDAYA SCAMMER	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/09/1153191/pesara-wanita-rugi-rm38-juta-diperdaya-scammer	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	JENZAH TIGA WANITA MANGSA KEMALANGAN SELAMAT DIKEBUMIKAN	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1010089/jenzah-tiga-wanita-mangsa-kemalangan-selamat-dikebumikan	HMETRO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/279269/berita/semasa/jenzah-tiga-wanita-warga-emas-selamat-dikebumikan	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.buletintv3.my/nasional/jenzah-tiga-wanita-warga-emas-maut-kemalangan-selamat-dikebumi/	BULETINTV3.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	WANITA RAYU HENTI TULAR KES ANAK DIDERA	
	https://www.kosmo.com.my/2023/09/15/wanita-rayu-henti-tular-kes-anak-didera/	KOSMO.COM.MY



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

16/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
9	250 KANAK-KANAK TADIKA BERPIKNIK MERIAHKAN SAMBUTAN HARI MALAYSIA	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2225925	BERNAMA.COM
BIL	PERKARA	SUMBER
10	JURUJUAL WANITA MAUT KEMALANGAN DI PERSIMPANGAN LAMPU ISYARAT	
	https://www.kosmo.com.my/2023/09/15/jurujuwal-wanita-maut-kemalangan-di-persimpangan-lampu-isyarat/	KOSMO.COM.MY
BIL	PERKARA	SUMBER
11	KES EKSPLOITASI BURUH KANAK-KANAK SERING DITERIMA RUMAH PERLINDUNGAN	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/09/15/kes-eksploitasi-buruh-kanak-kanak-sering-diterima-rumah-perlindungan/	FREEMALAYSIATODAY.COM
BIL	PERKARA	SUMBER
12	SALURAN KANDUNGAN 'SELAMAT' UNTUK KANAK-KANAK	
	https://www.kosmo.com.my/2023/09/15/saluran-kandungan-selamat-untuk-kanak-kanak/	KOSMO.COM.MY
BIL	PERKARA	SUMBER
13	BANGUNAN PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK OKU BAKAL DIBINA DI TAWAU	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/09/15/bangunan-pusat-jagaan-kanak-kanak-oku-bakal-dibina-di-tawau	UTUSANBORNEO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

16/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
14	KEMAS PERTIMBANG TAMBAH TABIKA, TASKA	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1010067/kemas-pertimbang-tambah-tabika-taska	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
15	BERI BAYI MINUM SUSU PEKAT SEBAB SUSAH	
	https://www.kosmo.com.my/2023/09/15/beri-bayi-minum-susu-pekak-sebab-susah/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
16	NAHAS DUA KENDERAAN TIGA SEKELUARGA TERMASUK BAYI TERKORBAN	
	https://www.youtube.com/watch?v=a9ahKgZnk6I	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
17	PAKAR: BANTU IBU TIADA KERAKYATAN BUAT UJIAN DNA BUKTIKAN BAYI 'DIRAMPAS' MILIKNYA	
	https://www.malaysiakini.com/news/679346	MALAYSIAKINI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
18	PAKAR FORENSIK THAILAND ANTARA SAKSI INKUES BAYI MAUT TERJERUT	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/09/1153154/pakar-forensik-thailand-antara-saksi-inkues-bayi-maut-terjerut	BHARIAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

16/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
19	WARGA EMAS MAUT DILANGGAR LORI KETIKA BERHENTI DI LORONG KECEMASAN	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1009890/warga-emas-maut-dilanggar-lori-ketika-berhenti-di-lorong-keceemasan	HMETRO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1152945/warga-emas-maut-4-anggota-keluarga-cedera	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
20	TIGA WANITA WARGA EMAS MAUT DALAM KEMALANGAN TIGA KENDERAAN DI SEGAMAT	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tiga-wanita-warga-emas-maut-dalam-kemalangan-tiga-kenderaan-di-segamat-437454	ASTROAWANI.COM
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/toyota-hilux-gagal-masuk-lorong-punca-tiga-warga-emas-maut/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/279192/berita/semasa/tiga-warga-emas-maut-selepas-pulang-ziarah-jenazah-cucu	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/09/15/trak-pikap-gagal-masuk-lorong-punca-tiga-warga-emas-maut/	KOSMO.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/09/15/nahas-3-warga-emas-mangsa-pernah-mimpi-arwah-suami-anak-pakai-baju-putih/	KOSMO.COM.MY
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/09/15/3-warga-emas-maut-nahas-dekat-segamat/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.thesundaily.my/cerita/berita/tiga-wanita-warga-emas-maut-dalam-kemalangan-tiga-kenderaan-di-segamat-CN11495272	THESUNDAILY.MY
	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/71016-tiga-warga-emas-maut-11-cedera-dalam-kemalangan-babitkan-tiga-kenderaan	BERITA.RTM.GOV.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



**MALAYSIA
MADANI**

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

16/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
21	KELUARGA REDA PEMERGIAN TIGA WANITA WARGA EMAS MAUT KEMALANGAN	
	https://www.sinarharian.com.my/article/279262/video/berita-semasa-video/keluarga-reda-pemergian-tiga-wanita-warga-emas-maut-kemalangan	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=yEKbeD7lj4Y	YOUTUBE



TAJUK : 'SAYA TAK AKAN BERPISAH DENGAN ADIK-ADIK'

HARI : SABTU

TARIKH : 16 SEPT 2023

TONE : NEGATIF

AKHBAR : BERITA HARIAN

M/SURAT : 30

SEKTOR : KPWKM

'Saya tak akan berpisah dengan adik-adik'

Anak sulung pasangan maut nahas motosikal reda pemergian insan tersayang

Oleh Zuliaty Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

Sungai Petani: "Dalam sekelip mata, kami empat beradik kini yatim piatu tetapi sebagai abang, saya perlu kuat demi adik-adik dan tidak akan berpisah dengan mereka," kata Muhammad Amirul Ikhwan Ridzuan, 17, yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun ini.

Muhammad Amirul Ikhwan adalah anak sulung kepada pasangan suami isteri, Ridzuan Salleh @ Ramli, 42, dan Rosmawati Ismail, 39, yang maut apabila motosikal berkuasa tinggi jenis Benelli TNT ditunggang mereka dipercayai melanggar bahagian belakang sebuah trak tentera di Kilometer 87, Lebuhraya Utara-Selatan arah selatan di Gurun, kelmarin.

Dalam insiden kira-kira jam 2.00 petang itu, Ridzuan yang bertugas

sebagai anggota tentera di Kem Hobart, Jeniang, mecurur serta cedera di badan dan disahkan terkorban di tempat kejadian, manakala Rosmawati yang berniaga secara dalam talian pula meninggal dunia ketika menerima rawatan di Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH), di sini, kelmarin.

Menurut Muhammad Amirul Ikhwan, kemalangan itu berlaku ketika ibu bapanya dipercayai sedang dalam perjalanan dari rumah mereka di Taman Permai Utama, Jeniang di Gurun, ke HSAH untuk menziarahi ibu Rosmawati yang sakit, Jamaliah Saad, 60.

Ketika itu, katanya, dia berada di tempat tuisyen di Guar Chempedak dan terkejut apabila dimaklumkan oleh rakannya bahawa ibu bapa meninggal dunia akibat nahas.

"Memang terkejut dengan kejadian ini, tetapi saya perlu kuat demi adik-adik. Tambahan pula, saya akan menduduki peperiksaan SPM tahun ini.

Ingat amanat arwah ibu

"Saya akan menjaga adik-adik, Muhammad Alif Irfan, 16; Nurin Alya Iwanie, 12; dan Muhammad Ridz Danial, 5. Saya tidak akan berpisah dengan mereka walau apapun terjadi," katanya ketika ditemui di Jabatan Forensik HSAH, di sini, hari ini.

Muhammad Amirul Ikhwan



Motosikal dinaiki Ridzuan dan Rosmawati (gambar kecil) yang terbabit nahas di Kilometer 87, Lebuhraya Utara Selatan, di Gurun, kelmarin. (Foto ihsan PDRM)



Muhammad Amirul Ikhwan (tengah) bersama adiknya ketika menunggu jenazah ibu bapa mereka di HSAH, semalam. (Foto Zuliaty Zulkiffli/BH)

yang juga pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Batu 5 di Gurun berkata, dia akan sentiasa mengingati amanat arwah ibu supaya menjaga adik-adik dengan baik dan menjaga solat lima waktu.


Katanya, tidak banyak perubahan yang nampak pada ibu dan bapa sebelum kejadian, namun reda dengan ketentuan Ilahi.

"Buat masa ini, mungkin saya dan adik akan tinggal bersama bapa saudara dulu. Selepas itu, saya akan fikirkan sama ada menjaga

adik sendiri atau dengan bantuan ahli keluarga lain sebab saya hendak selesaikan peperiksaan SPM dulu," katanya.

Jenazah pasangan itu dijangka dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Masjid Kampung Segantang Garam, Merbok, petang semalam.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kuala Muda, Asisten Komisyoner Zaidy Che Hassan, berkata kes masih disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.



TAJUK : IBU MIMPI DIAJAK IKUT ARWAH AYAH, ABANG

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 16 SEPT 2023

M/SURAT : 30

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

3 warga emas wanita maut nahas

Ibu mimpi diajak ikut arwah ayah, abang



Dua daripada tiga kenderaan yang terbabit dalam kemalangan di Kilometer 167 Jalan Johor Bahru-Seremban yang mengorbankan tiga warga emas, kelmarin.
(Foto Ahmad Ismail/BH)

Segamat: "Dua hari sebelum ibu, Fatimah Ismail, 66 meninggal dunia, dia bercerita kepada saya arwah ayah dan abang kerap datang dalam mimpinya dengan berpakaian serba putih.

"Arwah ibu juga beritahu dia diajak menyusul mengikuti arwah ayah, Embok Hitam, dan abangnya, Mohd Jamal ke dunia lain. Saya kini hilang tiga insan tersayang dalam tempoh singkat," kata Norsinah Embok Hitam, 45.

Norsinah adalah anak tunggal Fatimah Ismail 66, cucu kepada Indok Akok, 89, dan anak saudara Tahallah Abd Fatah, 62, tiga wanita warga emas yang meninggal dunia petang kelmarin selepas terbabit kemalangan tiga kende-

raan iaitu Perodua Alza, Honda Jazz dan Toyota Hilux kira-kira jam 5.50 petang.

Dalam kejadian itu, Fatimah parah di beberapa bahagian badan dan kepala selepas Perodua Alza dinaikinya bersama 10 ahli keluarga dirempuh pikap Toyota Hilux ketika dalam perjalanan pulang ke rumah di Parit Kerimun, Benut, Pontian.

Semua jenazah dibawa pulang ke rumah sebelum dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Parit Karimun, Benut selepas solat Jumaat.

Ketika ditemui di Jabatan Forensik Hospital Daerah Segamat (HDS) semalam, Norsinah berkata, selepas arwah ayah dan abangnya meninggal dunia beberapa

tahun lalu, ibunya menumpukan sepenuh perhatian menyantuni anak cucu.

Sementara itu, anak arwah Indok, Ambok Salingkek Abdul Fatah, 69, berkata dia pasrah dengan ketentuan Ilahi.

"Mereka dalam perjalanan pulang dari FELDA Pemanis, Segamat selepas Asar menziarahi pengebumian anak saya. Kes ini amat menyentuh perasaan dan mengajar erti ketabahan," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Segamat, Superintendan Ahmad Zamry Marisah mengesahkan tiga mangsa maut dalam kemalangan itu, manakala tujuh mangsa lainnya yang cedera dirawat di Hospital Daerah Segamat (HDS).



TAJUK : ORGAN DIDERMA JURURAWAT BERI SINAR BAHARU 5 PESAKIT

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 16 SEPT 2023

M/SURAT : 28

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Organ diderma jururawat beri sinar baharu 5 pesakit

Ahli keluarga tunaikan hasrat murni Allahyarhamah Sulimah

Oleh Izwan Abdullah
bhnews@bh.com.my

Kota Kinabalu: Seorang penyelia jururawat di Hospital Queen Elizabeth (HQE), di sini, yang meninggal dunia akibat masalah mati otak, memberi kehidupan baharu kepada lima pesakit menerusi beberapa organnya yang didermakan, baru-baru ini.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS), Dr Asits Sanna, menerusi kenyataan semalam, berkata Allahyarhamah

Sulimah Gilong, 59, yang berdaftar sebagai pengikrar penderma organ sejak 2015, mendermakan sepasang buah pinggang, hati dan kornea.

Beliau berkata, hasrat murni arwah untuk menjadi penderma organ selepas kematian disempurnakan setelah pihak hospital mendapat persetujuan bertulis daripada warisnya.

"Pendermaan organ dan tisu oleh Allahyarhamah dapat menyelamatkan nyawa tiga pesakit yang mengalami kegagalan buah pinggang dan hati serta memberi sinar penglihatan kepada dua pesakit lain.

"Jabatan Kesihatan Negeri Sabah ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli keluarga yang telah menunaikan

hasrat beliau serta anugerah kehidupan yang diberikan," katanya.

Jururawat berdedikasi

Dr Asits berkata, pendermaan organ Allahyarhamah Sulimah dilakukan di Hospital Queen Elizabeth II (HQE II), di sini, menjadikannya kes kelima pendermaan organ di Sabah bagi 2023 setakat ini.

Katanya, ia kes pendermaan pelbagai organ dan tisu yang pertama di Sabah bagi tahun ini.

"Penderma organ dan tisu ini adalah seorang penyelia jururawat yang berkhidmat dalam Kementerian Kesihatan selama 34 tahun sejak 1989.

"Tempat bertugas terakhir beliau adalah di Wad Perubatan Am 4 dan Wad Respirato-

ri, Hospital Queen Elizabeth. Beliau jururawat berdedikasi dalam menjalankan tugas, disenangi oleh rakan sekerja dan prihatin terhadap keperluan pesakit.

"Salam takziah diucapkan kepada ahli keluarga di atas pemergian dan semoga keluarga arwah diberikan kekuatan untuk menghadapi kehilangannya. Kami mendoakan semoga segala amal ibadahnya diterima serta ditempatkan dalam kalangan orang beriman dan beramal soleh," katanya.

Sementara itu, Dr Asits berkata, tindakan murni Allahyarhamah Sulimah mengikrarkan diri sebagai penderma organ wajar dijadikan inspirasi dan teladan orang ramai.

Beliau turut menyifatkan arwah sebagai seorang jururawat yang menabur khidmat bakti semasa hayatnya dan terus berbudi setelah meninggal dunia.



Sulimah Gilong



TAJUK : PESARA HILANG RM3.8J DITIPU SINDIKET MENYAMAR POLIS

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 16 SEPT 2023

M/SURAT : 27

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Pesara hilang RM3.8j ditipu sindiket menyamar polis

Warga emas terpedaya panggilan palsu dakwa terbabit pengubahan wang haram

Oleh Safeek Affendy Razali
safeek@bh.com.my

Shah Alam: Seorang wanita pesara swasta dari Subang Jaya kerugian RM3.8 juta selepas menjadi mangsa sindiket penipuan telefon.

Mangsa yang berusia 70 tahun menerima panggilan telefon yang mendakwa dia terbabit dalam jenayah pengubahan wang haram.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan, berkata

mulanya wanita itu menerima satu panggilan telefon dari nombor tidak dikenali pada November tahun lalu yang mana pemanggilnya memperkenalkan diri sebagai pegawai syarikat insurans serta menyatakan ada tuntutan insurans yang dibuat menggunakan nama pengadu.

"Pengadu menafikan beliau membuat sebarang tuntutan insurans. Panggilan kemudian disambungkan kepada pihak polis dan pihak polis itu menyatakan nama pengadu terbabit dalam kes jenayah pengubahan wang haram dan pengadu boleh ditangkap," katanya, dalam kenyataan, kelmarin.

Beliau berkata, pemanggil kemudian menyatakan untuk mengesahkan pengadu tidak terbabit dengan jenayah dan

pihak polis perlu menyiasat akaun dan wang hasil yang dimiliki pengadu serta mengarahkan wanita itu membuka akaun bank dengan mendaftar nombor telefon yang diberikan oleh suspek untuk urusan perbankan dalam talian bagi akaun yang dibuka itu.



Hussein Omar Khan

Pindah semua wang

"Pengadu kemudian diminta menyerahkan nombor akaun dan butiran perbankan akaun bank itu kepada suspek supaya akaun pengadu dan hasil pendapatannya

mudah untuk dikawal bagi tujuan siasatan.


"Wanita itu diarahkan memindahkan semua wang miliknya ke dalam akaun (baharu dibuka) itu untuk tujuan siasatan dan tidak dibenarkan mengakses akaunnya selama

beberapa bulan untuk tujuan siasatan dan semua resit kemasukan wang dalam akaun bank berkenaan perlu dihapuskan atau dibuang," katanya.

Hussein berkata, pengadu yang dalam keadaan panik, ketakutan dan kegusaran telah terpedaya dan memindahkan semua wang dan gadaian emas miliknya berjumlah RM3.839 juta ke dalam akaun yang baru dibuka.

"Semalam (kelmarin), pengadu telah pergi ke bank dan membuat semakan akaun bank berkenaan dan mendapati akaun tersebut hanya berbaki RM79.59 dan baru menyedari dirinya menjadi mangsa penipuan," katanya.

"Polis juga menegaskan tidak menjalankan apa-apa siasatan secara dalam talian lebih-lebih lagi mengarahkan orang ramai memindahkan wang mereka ke dalam mana-mana akaun bank untuk tujuan siasatan," katanya.



TAJUK : RAI HARI MALAYSIA SEMARAKKAN PERPADUAN

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 16 SEPT 2023

M/SURAT : 22

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Rai Hari Malaysia semarakkan perpaduan

Seluruh rakyat perlu bersama peringati hari bersejarah

Putrajaya: Semangat sambutan Hari Malaysia perlu disemarakkan oleh seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira lokasi atau keberadaan bagi memperingati hari bersejarah itu, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

"Biarpun majlis itu akan diadakan di Kuching, kita di Semenanjung khususnya di Putrajaya juga wajib menayakan perayaan ini dengan semangat yang sama dengan rakyat di

Sabah dan Sarawak," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Penutupan Kembara Merdeka Desa MADANI Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) 2023, di sini, semalam.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah menekankan, semangat patriotisme kepada negara harus diterjemahkan dengan komitmen tinggi daripada seluruh masyarakat bagi menyemarakkan bukan saja sambutan Hari Malaysia tetapi juga Hari Kebangsaan. "Sambutan berkenaan bukan saja untuk menyuburkan semangat patriotisme, malah mampu menjadi tali pengikat utama kepada perpaduan bangsa di negara ini," katanya.

Ahmad Zahid berkata, beliau mewajibkan KKDW untuk mengadakan Kembara Desa itu



Ahmad Zahid menyantuni kanak-kanak pada Majlis Perasmian Penutupan Kembara Merdeka Desa MADANI Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah 2023 di Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

setiap tahun bagi menyemarakkan lagi semangat kemerdekaan dalam kalangan warga kementerian dan rakyat Malaysia.

"Program ini adalah manifestasi menyemarakkan lagi semangat patriotik dalam kalangan komuniti, terutama masyarakat luar bandar, sempena sambutan Bulan Kebangsaan," katanya.

Kembara itu berkonsepkan jelajah berkonvoi dengan motosikal 'kapcai' merentasi lima negeri bermula di Pulau Pinang, diikuti Perak, Selangor, Negeri Sembilan sebelum berakhir di Dataran Gemilang, di sini.

Ini juga bertujuan mempromosikan program anjuran Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) kepada orang ramai.

Skrin LED disediakan

Sementara itu, dalam perkembangan berkaitan, majlis sambutan Hari Malaysia peringkat kebangsaan di Stadium Perpaduan, Kuching, hari ini, boleh ditonton secara langsung melalui semua saluran televisyen dan media sosial arus perdana.


Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil memaklumkan selain itu, skrin LED juga akan disediakan di luar stadium terabit untuk membolehkan warga Kuching menonton sam-

butan berkenaan.

"Bagi para jemputan, boleh masuk ke dalam stadium mulai jam 7 malam, manakala Pemangku Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tan Sri Mohamad Asfia Awang Nassar, dijangka tiba pada jam 8.30 malam.

"Kemuncak sambutan itu adalah persembahan bunga api," katanya selepas mengadakan kunjungan hormat ke atas Mohamad Asfia di Astana Negeri, Kuching, kelmarin.

Di samping jualan makanan, beliau berkata, Jualan Rahmah turut diadakan dan orang ramai dijemput hadir untuk memeriahkan acara. BERNAMA



TAJUK :	TIGA SEKELUARGA MAUT NAHAS MPV, LORI		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	BERITA HARIAN
TARIKH :	16 SEPT 2023	M/SURAT :	30
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Tiga sekeluarga maut nahas MPV, lori

Chukai: Tiga sekeluarga maut selepas kenderaan pelbagai guna (MPV) yang dinaiki mereka terbabit kemalangan dengan lori di Kilometer 154, Jalan Jerangau-Jabur berhampiran Hentian Sebelah Bandar Cheneh Baru, dekat Kemaman, petang semalam.

Ketua Polis Daerah Kemaman, Superintendan Hanyan Ramlan, berkata setakat ini semua identiti mangsa yang maut dalam kemalangan kira-kira jam 2.05 petang itu masih belum diperolehi.


“Mereka yang maut iaitu pemandu MPV Naza Citra yang tersepit di tempat duduk, manakala dua lagi mangsa iaitu penumpang kenderaan disahkan meninggal dunia di Hospital Kemaman.

“Ketika kejadian, lori terbabit dalam perjalanan dari arah Mak Lagam menghala Ladang Perwira Cheneh, manakala MPV pula menghala dari Mak Chili menghala Cheneh,” katanya.

Hanyan berkata, kemalangan berlaku apabila lori terbabit dipercayai hilang kawalan dan memasuki laluan MPV sebelum kedua-dua kenderaan itu bertembung.

Beliau berkata, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

“Pemandu lori ditahan untuk menjalani ujian saringan air kencing dan akan dibawa ke Mahkamah Kemaman esok (hari ini) untuk mendapat perintah tahanan reman,” katanya.



TAJUK : 'ARWAH AYAH, ABANG DATANG AJAK'

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 16 SEPT 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



ANGGOTA polis mengangkat mayat tiga mangsa yang maut dalam nahas di Kilometer 167 Jalan Johor Bahru-Seremban dekat Segamat.

Oleh Ahmad Ismail
am@hmetro.com.my

Segamat

"Dua hari sebelum ibu terbabit nahas, dia beritahu arwah ayah dan abang kerap datang dalam mimpinya dengan berpakaian serba putih," kata Norsinah Embok Hitam, 45, anak kepada Fatimah Ismail, 66, yang maut dalam nahas di Kilometer 167 Jalan Johor Bahru-Seremban di sini, kelmarin.

Menurut Norsinah, ibunya juga memberitahu dalam mimpinya dia diajak menyusul arwah ayah, Embok Hitam dan abangnya, Mohd Jamal yang meninggal dunia beberapa tahun lalu ke dunia lain.

Katanya, nahas berlaku ketika ibu dan neneknya, Indok Akok, 89, serta ibu saudaranya, Tahallah Abd Fatah, 62, dalam perjalanan pulang ke Benut selepas melawat saudara meninggal dunia di Felda Pemanis.

"Nahas bukan sahaja menyebabkan saya kehilangan ibu, malah nenek dan ibu saudara juga maut dalam kemalangan itu.

"Saya kehilangan tiga ahli keluarga tersayang sekali gus," katanya ditemui di Jabatan Forensik Hospital Daerah Segamat (HDS) di sini, semalam.

Norsinah berkata, arwah ibunya itu disifatkan sebagai peramah selain tidak lekang melepaskan senyuman terhadap keluarga serta jiran dan pulang dari mengerjakan Umrah April lalu.

"Sepanjang hayatnya, ar-

TIGA TERBUNUH DALAM NAHAS

'ARWAH AYAH, ABANG DATANG AJAK'

wah tidak pernah menunjukkan sifat marah kepada orang sekelilingnya. Dia sangat menjaga tutur kata dan sering berjenaka bersama keluarga dan kenalannya," katanya.

Sementara itu, seorang lagi anak Indok Akok, Ambok Salingkek Abdul Fatah, 69, berkata, dia terkejut selepas mendengar berita nahas yang meragut nyawa tiga keluarganya itu.

"Ibu dan adik saya dalam perjalanan pulang dari Felda Pemanis selepas selesai pengebumian anak saya.

"Seperti tidak percaya tetapi saya harus menerima ketentuan ini dengan hati yang tabah," katanya.

Nahas dilaporkan jam 5.40 petang semalam membabitkan Perodua Alza dinaiki tiga mangsa yang maut dengan kereta Honda Jazz dan pikap trak Toyota Hilux.

Ketua Polis Daerah Segamat, Superintendan Ahmad Zamry Marinsah berkata, kemalangan dipercayai berlaku apabila Toyota Hilux dipandu lelaki tempatan dari arah Johor Bahru gagal memasuki lorong kiri selepas menukar laluan dari

kanan jalan.

Pacuan empat roda itu dilanggar Honda Jazz dari arah belakang sebelah kiri yang menyebabkan ia hilang kawalan dan bertembung Perodua Alza yang datang dari arah bertentangan.

"Pertembungan menyebabkan Perodua Alza terbabas dan tiga penumpang belakangnya yang berusia 89, 66, dan 62 tahun parah sebelum meninggal dunia.

"Nahas bukan sahaja sebabkan saya kehilangan ibu, malah nenek dan ibu saudara juga maut dalam kemalangan itu"


"Pemandu kenderaan itu yang berusia 30 tahun dan enam penumpang berusia setahun hingga 38 tahun cedera dan dirawat di Hospital Daerah Segamat (HDS)," katanya dalam kenyataannya.

Menurutnya, pemandu dan seorang penumpang Toyota Hilux juga dirujuk ke HDS, manakala pemandu serta penumpang Honda Jazz tidak cedera.

Kes disiasat mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.



NORSINAH menunjukkan gambar arwah ibunya, Fatimah.



TAJUK : 'NYAWA BUAT 5 ORANG'

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 16 SEPT 2023

M/SURAT : 06

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Izwan Abdullah
am@hmetro.com.my

Kota Kinabalu

Seorang penyelia jururawat di Hospital Queen Elizabeth (HQE) di sini, yang meninggal dunia akibat masalah mati otak memberi kehidupan baharu kepada lima pesakit menerusi beberapa organnya yang di-dermakan, baru-baru ini.

Menerusi satu kenyataan hari ini, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS), Dr Asits Sanna berkata, Allahyarhamah Sulimah Gilong, 59, yang berdaftar sebagai pengikrar penderma organ sejak 2015, mendermakan sepasang buah pinggang, hati dan kornea.

Beliau berkata, hasrat murni arwah untuk menjadi penderma organ selepas kematian disempurnakan selepas pihak hospital mendapat persetujuan bertulis daripada warisnya.

"Pendermaan organ dan tisu ini dapat menyelamatkan nyawa tiga pesakit yang mengalami kegagalan buah pinggang dan hati serta memberi sinar penglihatan kepada dua pesakit yang lain.

"JKNS ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli ke-

uarga yang menunaikan hasrat serta anugerah kehidupan yang diberikan," katanya.

Dr Asits berkata, pendermaan organ Allahyarhamah Sulimah dijalankan di Hospital Queen Elizabeth II (HQE II) di sini, menjadikannya kes kelima pen-

dermaan organ di Sabah bagi 2023 setakat ini.

Katanya, ia juga adalah kes pendermaan pelbagai organ dan tisu yang pertama di Sabah bagi tahun ini.

"Penderma organ dan tisu ini adalah seorang penyelia jururawat yang ber-

"Pendermaan organ dan tisu ini dapat menyelamatkan nyawa tiga pesakit yang mengalami kegagalan buah pinggang dan hati serta memberi sinar penglihatan kepada dua pesakit yang lain"

PENYELIA JURURAWAT MATI OTAK DERMA ORGAN


'NYAWA' BUAT 5 ORANG



khidmat dalam Kementerian Kesihatan Malaysia selama 34 tahun sejak 1989.

"Tempat bertugas beliau yang terakhir adalah di Wad Perubatan Am 4 dan Wad Respiratori, Hospital Queen Elizabeth. Beliau adalah seorang jururawat yang sangat berdedikasi dalam menjalankan tugas, disenangi oleh rakan sekerja dan prihatin terhadap keperluan pesakit," katanya.

DR Asits



TAJUK : HAJAT IBU UNTUK BERJUMPA SEMUA AHLI KELUARGA TERCAPAI

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 16 SEPT 2023

M/SURAT : 18

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Hajat ibu untuk berjumpa semua ahli keluarga tercapai

Kuala Terengganu: Jenazah ibu kepada Pengarang Berita Kanan (Sukan & Hiburan) Harian Metro, Abdul Manan A Samad yang meninggal dunia kelmarin selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Pulau Ketam di sini pagi semalam.

Allahyarham Zainun Abdul Rahman, 84, yang juga ibu mentua kepada bekas Pengarang Urusan Kumpulan, Berita dan Hal Ehwal Semasa Rangkaian Televisyen Media Prima, Datuk Manja Ismail meninggal dunia di kediamannya di Kampung Wakaf Beruas di sini jam 4 petang.

Anak ketiga kepada Al-

lahyarham Zainun, Datin Norzita A Samad, 59, berkata, ibunya dalam proses pemulihan selepas diserang strok pada hujung Mac lalu.

"Selepas diserang strok pada Ramadan lalu, arwah semakin sihat dan boleh menguruskan dirinya namun dua hari lalu, dia mengadu keletihan dan tiada selera makan.

"Tak sangka itu petanda arwah meninggalkan kami dan kami sekeluarga reda dengan pemergiannya," katanya ditemui di sini.

Norzita yang juga isteri kepada Manja melahirkan rasa syukur kerana arwah ibunya sempat bertemu



MANAN (tengah) semasa pengebumian ibunya, Zainun di Tanah Perkuburan Islam Kampung Pulau Ketam. - Gambar NSTP/GHAZALI KORI

dengan semua anak, menantu, cucu dan cicit termasuk adiknya yang me-

netap di Scotland.

"Adik bersama suami dan tiga anak menetap di

Scotland dan sudah lama tidak balik sebelum mereka sekeluarga pulang se-

jak sebulan lalu.

"Alhamdulillah, hajat ibu untuk berjumpa semua ahli keluarga tercapai dan terima kasih kepada semua yang membantu menguruskan jenazah dan mendoakan ke atas Allahyarham," katanya.

Jenazah Allahyarham dikebumikan berhampiran pusara ibu dan bapanya serta suaminya kira-kira jam 10.20 pagi.

Terdahulu, jenazah Allahyarham disembahyangkan di Masjid Kampung Pulau Ketam jam 9 pagi.

Allahyarham meninggalkan lapan anak, 18 cucu dan 3 cicit.



TAJUK : SEKELIP MATA HILANG MAK AYAH

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 16 SEPT 2023

M/SURAT : 03

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

SEKELIP MATA HILANG MAK AYAH

Empat beradik yatim piatu selepas ibu bapa maut kemalangan

Oleh Zuliaty Zulkiffli
am@hmetro.com.my

Sungai Petani

“Dalam sekelip mata, kami empat beradik jadi yatim piatu tetapi sebagai abang, saya perlu kuat demi adik-adik dan takkan berpisah dengan mereka,” kata Muhammad Amirul Ikhwan Ridzuan, 17.

Muhammad Amirul Ikhwan adalah anak sulung pasangan suami isteri, Ridzuan Salleh@Ramli, 42, dan Rosmawati Ismail, 39, yang maut selepas motosikal berkuasa tinggi Benelli TNT dinaiki melanggar belakang trak tentera di Kilometer 87, Lebuhraya Utara Selatan, arah selatan di Gurun, kelmarin.

Ridzuan yang melecur dan mengalami kecederaan di badan meninggal dunia di tempat kejadian manakala Rosmawati meninggal dunia ketika mendapatkan rawatan di Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH).

Menurut Muhammad Amirul, ketika kejadian ibu bapanya dipercayai dalam perjalanan dari rumah mereka di Taman Permai Utama, Jeniang di Gurun menuju ke HSAH untuk menziarahi nenek mereka yang sakit.

Katanya, dia yang

ketika itu berada di tempat tuisyen di Guar Chempe-dak, terkejut apabila dimaklumkan rakannya yang ibu bapanya terbabit dalam kemalangan dan meninggal dunia.

“Awalnya saya dapat tahu cuma abah meninggal manakala ibu pula dimasukkan ke Unit Kecemasan HSAH dan tak lama kemudian dapat berita ibu pula meninggal.

“Memang terkejut tapi saya kena kuat demi adik-adik apatah lagi saya akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun ini,” katanya ketika ditemui di Jabatan Forensik HSAH di sini, semalam.

Muhammad Amirul berkata, dia akan menjaga adik-adiknya, Muhammad Alif Irfan, 15, Nurin Alya Iwanie, 12, dan Muhammad Ridz Danial, 5, malah tidak akan berpisah walau apa yang terjadi.

Muhammad Amirul Ikhwan yang juga pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Batu 5, Gurun berkata, dia akan sentiasa ingat amanat ibunya supaya menjaga adik-adik dengan baik dan sentiasa menjaga solat lima waktu.

“Semalam, sebelum kejadian abah sibuk mengemas rumah



RIDZUAN dan Rosmawati maut selepas motosikal berkuasa tinggi Benelli TNT dinaiki melanggar belakang trak tentera.



KEADAAN motosikal mangsa selepas terbabit kemalangan.



BAHAGIAN belakang trak tentera remuk selepas dilanggar.

sebab dia nak buat kolam depan rumah tapi tak sempat siap, mungkin itu petanda dia akan pergi buat selama-lamanya.

“Abah dengan ibu memang tak pernah berpi-

sah. Kalau pergi ke mana-mana pun pasti mereka akan pergi berdua dan mati pun bersama,” katanya. Muhammad Amirul Ikhwan berkata, setakat ini adik bongsunya paling terasa sedih di atas pemergian ibu bapa mereka kerana dia paling rapat dengan bapanya.

Ridzuan anggota tentera bertugas di Kem Hobart, Jeniang manakala Rosmawati berniaga dalam tali-an.


Jenazah dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Masjid Kampung Segantang Garam di Merbok petang semalam sebaik selesai bedah siasat dia Jabatan Forensik HSAH.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kuala Muda, Asisten Komisioner Zaidy Che Hassan berkata, siasatan masih diteruskan setakat ini dan kes disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.



AMIRUL Ikhwan (tengah) bersama adik-adiknya ketika menunggu jenazah ibu bapa mereka di HSAH.

“Memang terkejut tapi saya kena kuat demi adik-adik”
Amirul Ikhwan



TAJUK : SEMANGAT ANAK PERAJURIT!

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 16 SEPT 2023

M/SURAT : 04

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

SARUNG SERAGAM, BERET MAROON ARWAH BAPA TIAP KALI SAMBUT HARI BERSEJARAH

SEMANGAT ANAK PERAJURIT!

Oleh Noor Hidayah
Tanzizi
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my

Jitra

Tanggal 31 Ogos dan 16 September menjadi tarikh paling ditunggu-tunggu Nur Alyaa Khalisa Fahrurrozi kerana bukan saja bersemangat meraikan hari bersejarah negara, malah mengingatkannya kepada bapa tersayang, Fahrurrozi A Manaff yang juga anggota Tentera Darat Malaysia (TDM).

Itu semangat anak perajurit negara, Nur Alyaa Khalisa, 7, yang mesra disapa Yaya biarpun hakikatnya dia kehilangan bapa tersayang, Fahrurrozi A Manaff, 32, ketika berusia setahun sembilan bulan, lima tahun lalu.

Bapanya, Lans Koperah Fahrurrozi bersama seorang lagi anggota tentera meninggal dunia selepas dihempap pokok ketika penugasan operasi kawalan sempadan di Hutan Belum, Tasik Banding di Gerik, Perak pada 26 Jun 2018.

Semangat kanak-kanak perempuan itu jelas terpancar apabila dia bangun seawal jam 5 pagi pada 31 Ogos lalu dan memakai seragam seperti bapanya yang juga anggota 8 Rejimen Renjer Diraja (RRD) (Para) Kem Terendak, Melaka.

Yaya hadir memeriahkan Istiadat Perbarisan dan Perarakan sempena Sambutan Hari Kebangsaan ke-66 Peringkat Negeri Kedah Tahun 2023 di Dataran Masjid Zahir, Alor Setar, Kedah dan mendapat perhatian di TikTok apabila

“Yaya gembira dapat tengok askar kawad. Kalau papa masih ada mesti papa join atau Yaya pergi sana (sambutan Hari Kebangsaan) dengan papa. Nanti nak pergi lagi nak tengok kawan papa (anggota tentera kawad)”

seorang jurugambar berkongsi gambar bersama kisahnya di akaun itu.

Yaya berkata, ini kali pertama dia hadir ke sambu-



tan berkenaan dengan memakai seragam Tentera Darat Malaysia (TDM) seperti bapanya dan mengakui teruja menyangkut baju serta

memakai beret ‘maroon’ kebanggaan bapanya.

“Yaya ingat papa dan setiap malam sebelum tidur mesti tengok gambar serta bacakan doa untuk papa. Kalau rindu papa Yaya selalu doa banyak-banyak untuk papa.”

“Yaya gembira dapat tengok askar kawad. Kalau papa masih ada mesti papa join atau Yaya pergi sana (sambutan Hari Kebangsaan) dengan papa. Nanti nak pergi lagi nak tengok kawan papa (anggota tentera kawad,” katanya.

Ibunya, Khairiah Azizan, 34, berkata, sejak suami meninggal dunia dia tidak melepaskan peluang membawa anak tunggal mereka menyambut Hari Kebangsaan.

Menurutnya, namun tahun ini berbeza apabila Nur Alyaa Khalisa mahu me-

makai seragam tentera seperti dilihatnya di TikTok sebelum dia menempah baju itu dengan tukang jahit berkenaan bagi menunaikan impian anaknya itu.

“Yaya sangat teruja memakai seragam loreng dan beret seperti arwah bapanya. Jam 6 pagi kami bertolak dan sebaik sampai di dataran itu dia berulang kali cakap dengan saya anggota tentera berpakaian seperti bapanya.

“Saya usaha bawa Yaya sambut Hari Kebangsaan kerana mahu dia melihat dengan lebih dekat kerjaya bapanya yang mencari rezeki untuk kami dahulu biarpun sempat bersama dalam tempoh singkat selain menghargai Kemerdekaan,” katanya menetap di Taman Desa Damai, di sini, bersama keluarganya.



TAJUK : KIDS ORPHANED BY M-CYCLE CRASH

HARI : SABTU

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 16 SEPT 2023

M/SURAT : 16

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

ELDEST BOY TAKES CHARGE

Kids orphaned by m-cycle crash

SUNGAI PETANI: There is nothing more important for Muhammad Amirul Ikhwan, 17, than working hard and to pass his Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) examination next March with flying colours.

All that he wanted was to make his parents proud and to set a good example for his three younger siblings.

However, things took an abrupt turn when his parents, Muhammad Ridzwan Salleh, 42, and Rosmawati Ismail, 39, were killed in a crash at Km87 of the PLUS Expressway near Gurun on Thursday evening.

The tragedy left Amirul and his siblings, Muhammad Alif Irfan, 15; Nurin Alya Iwanie, 12; and Muhammad Ridz Danial, 5, orphaned.

"I will have to be strong for my siblings. I will focus on preparing for SPM while looking after my siblings, especially Danial.

"My siblings will stay with me. I will look after them with the help of our relatives," Amirul said at the Sultan Abdul Halim Hospital (HSAH) mortuary, where a medical examiner was carrying out a post-mortem examination on his parents' remains.

In the 2pm incident, Ridzwan, a soldier with the rank of corporal attached to the Hobart Camp in Jeniang, was riding his Benelli TNT 600cc machine to visit Rosmawati's mother, Jamaliah Saad, 60, who was undergoing dialysis treatment at HSAH.

Ridzwan lost the control of his motorcycle and crashed into the rear of an army truck.

The machine caught fire in the crash and the couple crashed into the truck's cargo bay.

Ridzwan, who also suffered burns, died on the spot. Rosmawati died two hours later at HSAH.

Amirul, a student of SMK Batu 5, Jeniang, was attending additional classes in school when he was told of the tragedy.

"My mother always reminded me not to skip my prayers and to look after my siblings if anything happened to her.

"It never crossed my mind that both of my parents would be gone forever in an instant.

"I can't find words to describe how devastated we are, but I will have to pull myself together for my siblings."

His daunting task now is to



Muhammad Amirul Ikhwan with his younger siblings waiting to claim their parents' remains at Sultan Abdul Halim Hospital in Sungai Petani yesterday. PIC BY ZULIATY ZULKIFFLI

calm his siblings, who are still shocked by the sudden passing of their parents.


"Last night, Danial was a bit lost by what had just happened. He kept on asking about our parents. It will take a while for him to get used to the situation."

Amirul said his parents were a

loving couple who really cared for them.

His father, he said, was an avid superbike enthusiast. He said his mother always accompanied his father on riding trips.

The couple were buried at the Segantang Garam Muslim Cemetery in Merbok yesterday.



TAJUK :	LATE NURSE'S GIFT OF LIFE TO 3 PATIENTS		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	NEW STRAITS TIMES
TARIKH :	16 SEPT 2023	M/SURAT :	15
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

MULTIPLE ORGAN DONATION

Late nurse's gift of life to 3 patients

KOTA KINABALU: A nurse who for 34 years helped nurture the sick back to health, carried out her last act of service in an organ donation following her death.

Sabah Health director Dr Asits Sanna said that the late Sulimah Gilong, 59, who was confirmed brain dead, had consented to donating her organs and tissues.

"The Sabah State Health Department wishes to announce a case of organ donation at Queen Elizabeth II Hospital (HQE II), Kota Kinabalu, which marks the fifth organ donation in Sabah for this year.



Dr Asits Sanna

"This case also represents the first multi-organ and tissue donation in Sabah for this year.

"Organs and tissues donated by her included a pair of kidneys, a liver and a pair of corneas (eyes).

"The organ and tissue donation by the late Sulimah saved the lives of three patients suffering from kidney and liver failure and restored the sight of two patients," he said.

Dr Asits said the donor was a senior nurse who had served in the Health Ministry since 1989. Her last duty station was in Medical Ward 4 and the Respiratory Ward at Queen Elizabeth Hospital.

"She was a dedicated nurse, beloved by her colleagues and compassionate towards patients.

"The late Sulimah had registered as an organ donor since 2015.

"Her intention to become an organ donor after her passing was fulfilled after the hospital obtained written consent from her next of kin."

Dr Asits said the department extended its utmost appreciation to her family for fulfilling her wishes and for the gift of life she has given.

"Our condolences are extended to the family for their loss, and we pray for strength for them to cope with their bereavement.

"We pray that all her acts of worship are accepted and that she is placed among the righteous."



Sulimah Gilong had registered as an organ donor since 2015. PIC COURTESY OF NST READER



TAJUK : EVEN IN DEATH, NURSE SAVES LIVES

HARI : SABTU

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 16 SEPT 2023

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Even in death, nurse saves lives

Her last noble act of service as an organ donor benefits others

By **DURIE RAINER FONG**
newsdesk@thestar.com.my

KOTA KINABALU: A nurse here lived up to her oath of saving lives and caring for the sick even after her death.

Sulimah Gilong (*pic*), 59, who had served with the Health Ministry for 34 years, since 1989, registered as an organ donor in 2015.

After being declared brain dead sometime this year, Sulimah car-

ried out her last act of service.

Her wishes as an organ donor were undertaken by Queen Elizabeth Hospital II after obtaining written consent from her next of kin.

Sabah health director Dr Asits Sanna said Sulimah had pledged to donate her tissues and organs including her kidneys, liver and corneas.

"From the donation, the late Sulimah saved the lives of three patients who suffered from kid-

ney and liver failure, and gave the gift of sight to two others.

"She was a nurse who served diligently during her life and continued to contribute even after her passing.

"The Sabah Health Department would like to record its highest appreciation to her family for fulfilling her wishes and the gift of life bestowed by her," he said in a statement here.

Dr Asits said this was the first donation of multiple organs and

tissues, and the fifth overall organ donation, in Sabah this year.

He added that the late Sulimah had last served at the Medical Ward 4 and Respiratory Ward of the hospital.

"She was a dedicated nurse in carrying out her duties, was well liked by her colleagues and concerned for the needs of her patients," he said.

Dr Asits also called on the public to take her final act as both an inspiration and a good example.





TAJUK : PATRIOTIC TOTS

HARI : SABTU

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 16 SEPT 2023

M/SURAT : 12


TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Patriotic tots

Children from Tadika Khalifah Intelek waving flags while taking part in a picnic organised by the kindergarten in Butterworth, Penang.
— Bernama





TAJUK : SAFETY FIRST

HARI : SABTU

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 16 SEPT 2023

M/SURAT : 18


TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Safety first

Firefighters showing pupils ways to extinguish a fire due to a burst hose during a safety campaign at SMK Dato' Ismail in Pasir Puteh, Kelantan. The awareness campaign saw 400 pupils from six schools from around the district learn about fire safety. — Bernama





TAJUK : PENYELIA JURURAWAT BERI SINAR KEHIDUPAN BUAT LIMA PESAKIT

HARI : SABTU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 16 SEPT 2023

M/SURAT : 17

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Penyelia jururawat beri sinar kehidupan buat lima pesakit

KOTA KINABALU: Allahyarham Sulimah Gilong, Penyelia Jururawat di Hospital Queen Elizabeth (HQE) telah memberikan sinar kehidupan buat lima individu apabila mendermakan organ kepada pesakit yang amat memerlukan.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) Dr Asits Sanna berkata Sulimah telah mendaftar sebagai penderma organ sejak 2015 dan organnya berjaya menyelamatkan tiga pesakit mengalami kegagalan buah pinggang dan hati serta memberi sinar penglihatan kepada dua pesakit.

Sulimah, 59, yang disahkan kematian otak, meninggal dunia pada 7 April lalu telah berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan selama 34 tahun sejak 1989.

“Hasrat murni Allahyarhamah menjadi pend-

erma organ selepas kematian disempurnakan setelah pihak hospital mendapat persetujuan daripada warisnya dan antara organ juga tisu yang telah didermakan termasuklah sepasang buah pinggang, hati dan sepasang kornea (mata). Allahyarhamah seorang jururawat yang sangat dedikasi dalam menjalankan tugas, disenangi rakan sekerja dan prihatin terhadap keperluan pesakit. Kami mendoakan semoga segala amal ibadahnya diterima serta ditempatkan dalam kalangan orang beriman dan beramal soleh,” katanya menerusi kenyataan semalam.

Dr Asits berkata JKNS menyeru orang ramai supaya menjadikan Sulimah sebagai inspirasi dan teladan, seorang jururawat yang menabur khidmat bakti semasa hayatnya dan terus berbudi setelah pemergiannya. — Bernama